

2.0 Tindakan Tatatertib Ke Atas Pemegang SPKK

Tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pemegang SPKK bagi kesalahan-kesalahan seperti di **Jadual K**.

Jadual K - Senarai Hukuman Kesalahan Melanggar Syarat Tawaran dan Syarat Kontrak Bagi Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

BIL	JENIS KESALAHAN	HUKUMAN
1	Pemalsuan atau pindaan maklumat/dokumen bagi tujuan menyertai tender atau mendapat kontrak	Gantung Pendaftaran dua (2) tahun
2	Menarik diri sebelum keputusan tender	Gantung Pendaftaran satu (1) tahun
3	Menarik diri setelah kontrak ditawarkan	Gantung Pendaftaran dua (2) tahun
4	Sub-kontrak tanpa persetujuan klien	Gantung Pendaftaran dua (2) tahun
5	Gagal mematuhi obligasi kontrak (Non-Performance) i. Lewat ii. Tidak menepati spesifikasi.	Amaran
6	Penamatan kontrak bagi kerja yang dipanggil secara tender	Gantung Pendaftaran dua (2) tahun
7	Penamatan kontrak bagi kerja yang dipanggil secara sebutharga & Requisition (kerja undi)	Gantung Pendaftaran 1 tahun
8	Kontraktor secara sengaja menyertai perolehan kerja Kerajaan dalam tempoh penggantungan	a. Batal Pendaftaran SPKK, dan b. Lembaga Pengarah/Pemilik syarikat disenarai hitam bagi tempoh 3 tahun. Nota: Permohonan pendaftaran baru SPKK oleh Lembaga Pengarah/ Pemilik syarikat hanya boleh dibuat/ dipohon setelah tamat tempoh hukuman yang ditetapkan.
9	Lain-lain kesalahan yang berkaitan dengan syarat tawaran dan syarat kontrak	Amaran

Nota: Tindakan/ Hukuman bagi kesalahan di atas terpakai ke atas Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).

Permohonan rayuan tindakan SPKK

Syarikat yang telah dikenakan tindakan tatatertib SPKK (gantung @ batal), boleh mengemukakan rayuan melalui atas talian. Rayuan hanya boleh dikemukakan dalam tempoh 21 hari bermula dari berkuatkuasanya tindakan SPKK dikenakan ke atas syarikat.